

**JARINGAN PERGURUAN TAREKAT
MALAYSIA-INDONESIA: SATU TINJAUAN
TERHADAP HUBUNGAN TOKOH-TOKOH
TAREKAT INDONESIA DALAM PERKEMBANGAN
TAREKAT DI MALAYSIA**

Abdul Manam Mohamad

Pendahuluan

Indonesia telah melahirkan ramai tokoh ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang. Di antara tokoh-tokoh itu ada yang mempunyai jaringan keilmuan peringkat international seperti Shaykh Yusuf al-Makasari, Shaykh Muhammad Nawawi al-Bantani, Shaykh 'Abd al-Rauf al-Sinkili, Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbangi, Shaykh Yasin al-Fadani dan lain-lain lagi. Dalam bidang tasawwuf dan tarekat pula, Indonesia juga telah melahirkan ramai tokoh-tokoh yang berperanan besar dalam penyebaran tarekat khususnya di Nusantara seperti Shaykh Ahmad Khatib al-Sambasi, Shaykh 'Abd al-Karim al-Bantani, Shaykh 'Abd al-Wahhab Babussalam dan lain-lain. Tulisan ini akan menjelaskan jaringan perguruan tarekat Malaysia-Indonesia dengan memfokuskan tokoh-tokoh tarekat kelahiran Indonesia yang ada kaitan dengan penyebaran tarekat di Malaysia.

Shaykh 'Abd al-Rauf Singkel

Di antara tokoh tarekat Indonesia yang mempunyai hubungan perguruan dengan tokoh pengembang tarekat di Malaysia ialah Shaykh 'Abd al-Rauf bin 'Ali al-Jawi al-Fansuri al-Sinkili (1030-1105 H./ 1620-1693). Beliau berasal dari Fansur, Singkel di wilayah pantai barat laut Aceh. Beliau merupakan seorang ulama Aceh yang sangat terkenal. Mengenai pengamalan tarekat, beliau lebih terkenal dengan Tarekat Shattariyyah.

Walau bagaimanapun beliau juga mengamalkan beberapa tarekat lain termasuklah Tarekat Naqshabandiyyah (Bruinessen,1994:41). Shaykh ‘Abd al-Rauf telah mengambil tarekat daripada Shaykh Ibrahim al-Kurani yang telah mengambilnya daripada Shaykh Ahmad al-Qushashi (w.1071 H./ 1660 M.) di Mekah. Sekalipun Shaykh Ibrahim al-Kurani dan Shaykh Ahmad al-Qushashi tersebut terkenal dengan tarekat Shattariyyah, namun kedua-duanya juga mengamalkan Tarekat Qadiriyyah dan juga Tarekat Naqshabandiyyah secara bersekali. Begitu juga para shaykh sebelum dan selepas kedua-duanya (Bruinessen,1994:89).

Antara murid Shaykh ‘Abd al-Rauf Singkel dari Malaysia ialah Shaykh ‘Abd al-Malik (Tok Pulau Manis), pengarang Hikam Melayu yang berasal dari Terengganu. Beliau telah pergi ke Aceh untuk berguru secara langsung dengan Shaykh ‘Abd al-Rauf sebelum pergi ke Mekah dan belajar dengan Shaykh Ibrahim al-Kurani iaitu guru kepada Shaykh ‘Abd al-Rauf (Muhammad,1991:54). Setelah kembali dari Mekah, Shaykh ‘Abd al-Malik kemudiannya telah menubuhkan pusat pengajian ilmu sekaligus sebagai tempat menyebarkan tarekat Shattariyyah berpusat di Pulau Manis, Serada, Terengganu.

Sehingga kini jaringan perguruan Shaykh ‘Abd al-Malik masih ada dan diteruskan oleh para murid beliau. Antara penerus silsilah perguruan tarekat Shattariyyah pimpinan Shaykh ‘Abd al-Malik ialah Ustaz Ibrahim bin Mohamad. Sekalipun Ustaz Ibrahim mengambil silsilah daripada rantaian perguruan yang sampai kepada Shaykh ‘Abd al-Malik namun beliau juga telah pergi ke Aceh dan mengambil silsilah daripada penerus rantaian perguruan Shaykh ‘Abd al-Rauf di sana iaitu Shaykh Muhammad Abu Dahlan al-Farusi. Ustaz Ibrahim telah membangunkan sebuah madrasah di Kg. Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, dan menjadikannya pusat pengajian, pengamalan dan penyebaran tarekat Shattariyyah.

Shaykh Isma‘il bin ‘Abd Allah al-Minangkabawi

Antara tokoh tarekat Indonesia yang terkenal dan mempunyai murid di Malaysia ialah Shaykh Isma‘il bin ‘Abd Allah al-Minangkabawi. Beliau berasal dari Simabur, Sumatera Barat dan telah menghabiskan hampir separuh pertama abad ke 19 untuk belajar dan mengajar di Mekah. Antara karangan beliau yang terkenal ialah Kifayah al-Ghulam (Bruinessen:99). Shaykh Isma‘il dikatakan tokoh awal yang telah

membawa masuk Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah ke Nusantara iaitu di sekitar tahun 1850-an setelah beliau kembali dari Mekah. Beliau telah mengambil Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh 'Abd Allah al-Afandi (al-Arzinjani) yang merupakan salah seorang murid dan juga khalifah kepada Shaykh Khalid al-'Uthmani al-Kurdi (w. 1242 H./ 1826 M) di Mekah (Abdullah Hawash,1980: 173; Wan Muhammad Saghir, 1985: 14). Sebelum kembali ke Nusantara, Shaykh Isma'il telah bertahun-tahun mengajar Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Mekah (Bruinessen: 100).

Setelah kembali dari Mekah, Shaykh Isma'il menjadikan Singapura sebagai tempat persinggahan sementara dan mengajarkan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di situ. Shaykh Isma'il juga telah berkunjung ke Kedah dari Singapura dan berjaya mengembangkan pengaruhnya di sana (Bruinessen: 101). Dari Singapura beliau membuat kunjungan ke Pulau Penyengat, Riau dan mengajarkan tarekat di sana. Di Riau, Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah berkembang di kalangan golongan atasan (pemerintah) di mana Yang Dipertuan Muda Riau pada ketika itu iaitu Raja Ali, menjadi murid Shaykh Isma'il. Bahkan adik Raja Ali iaitu Raja Abdullah yang kemudiannya menggantikan Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Muda, adalah khalifah¹ kepada Shaykh Isma'il tersebut (Bruinessen:101).

Dari Riau inilah Shaykh Isma'il menyebarkan tarekat ke Langkat, Deli dan seterusnya ke Johor (Abdullah Hawash:172). Dari sinilah bermulanya penyebaran awal tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. Walau bagaimanapun sehingga kini tidak dapat dikenal pasti penerus-penerus silsilah perguruan tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah pimpinan Shaykh Isma'il yang masih meneruskan pengamalan dan penyebaran amalan tarekat tersebut dalam bentuk jamaah atau berkumpul yang mempunyai pimpinan dan pusat pengamalan tersendiri. Kalau adapun pengamal, hanyalah dalam bentuk individu atau kumpulan kecil.

Shaykh Abdul Wahab Babussalam

Shaykh 'Abd al-Wahhab (1811-1926) merupakan antara tokoh tarekat Indonesia yang sangat besar pengaruhnya dalam penyebaran tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. Kebanyakan silsilah perguruan tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang ada di Malaysia sekarang ini adalah melalui silsilah perguruan beliau. Shaykh 'Abd al-

Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang dibawa oleh Shaykh Hj. Umar telah diwarisi dan dikembangkan oleh beberapa orang khalifah beliau. Antara mereka ialah Hj. Uthman bin Muhammad Amin yang berasal dari Kampung Parit Abdul Rahman, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor (al-Attas:63). Namun, antara murid dan khalifah Shaykh Hj. Umar yang agak terkenal ialah Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif (1908-1992) yang memimpin pengamalan tarekat berpusat di kampung Dong, Raub, Pahang. Dari Dong, Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah telah berkembang ke merata tempat di Semenanjung Malaysia terutamanya di Pahang, Johor, Selangor dan Terengganu. Selepas kematian Hj. Ishaq pada tahun 1992, pimpinan tarekat telah diteruskan oleh beberapa orang khalifah beliau. Antara mereka ialah Dato' Tengku Mustafa yang menggantikan beliau sebagai murshid di Dong. Setelah kematian Dato' Tengku Mustafa, pimpinan tarekat di Dong diambil alih pula oleh salah seorang khalifah beliau sehingga sekarang.

Antara khalifah Tuan Hj. Ishaq yang meneruskan penyebaran tarekat ialah Tuan Hj. Wan Hasan yang memimpin pengamalan tarekat di kampung Paya Rumpit, Pekan, Pahang. Setelah kematian Tuan Hj. Wan Hasan, pimpinan tarekat diambil alih oleh khalifah beliau, Tuan Hj. Sanusi yang berasal dari Kedah dan beliau memimpin pengamalan tarekat ini sehingga sekarang. Selain itu, antara khalifah Tuan Hj. Ishaq yang masih lagi meneruskan penyebaran tarekat ialah Dr. Hj. Jahid bin Sidek di mana pusat pengamalan tarekat pimpinan beliau bertempat di Kuang, Selangor dan terdapat beberapa cawangan tarekat ini di Johor, Pahang dan Terengganu.

Shaykh Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi

Shaykh Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi merupakan seorang tokoh ulama dan juga tarekat di Mekah yang kemudiannya berpindah ke Pontianak, Indonesia. Beliau merupakan anak dan juga khalifah kepada Shaykh Sayyid Muhammad Salih al-Zawawi (Bruinessen: 73, 108), iaitu shaykh Tarekat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Mazhariyyah yang sangat masyhur di Hijaz. Keluarga al-Zawawi ini berasal daripada keturunan ulama Afrika Utara. Apabila Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi menghadapi masalah dengan Syarif Mekah, beliau dilaporkan telah mengadakan perjalanan ke timur mengunjungi para murid beliau yang antara mereka

ialah Sultan Pontianak. Di sana beliau telah dilantik menjadi mufti (Bruinessen:121).

Antara murid Sayyid 'Abd Allah di Malaysia yang terkenal ialah Sayyid 'Abd al-Rahman (1817-1917) yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Ku Paloh. Beliau adalah tokoh yang telah membawa masuk Tarekat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah ke Terengganu. Beliau dikatakan telah pergi ke Mekah bagi tujuan mendalami ilmu agama. Di antara guru utama beliau di sana ialah Sayyid Ahmad Zayni Dahlan dan Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi (Muhammad:180). Tarekat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah yang dibawa oleh Sayyid 'Abd al-Rahman kemudiannya telah diwarisi oleh murid beliau yang terkenal iaitu Hj. Abdul Rahman Limbong (Muhammad:191). Sehingga kini dilaporkan masih ada keturunan beliau yang mengamalkan tarekat tersebut di sekitar Kuala Terengganu.

Shaykh 'Abd al-Karim al-Bantani

Shaykh 'Abd al-Karim al-Bantani berasal dari Banten, Jawa, Indonesia. Beliau merupakan khalifah dan juga pengganti kepada Shaykh Ahmad Khatib al-Sambasi sebagai murshid tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah di Mekah. Menerusi para khalifah beliau adalah tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah masuk ke Malaysia dan berkembang di sana sehingga sekarang. Antara khalifah Shaykh 'Abd al-Karim yang mengembangkan tarekat ini di Malaysia ialah Shaykh Hasan Mustafa dan juga Shaykh Abu Naim dari Sarang Buaya Semerah, Johor. Silsilah perguruan Shaykh Abu Naim diteruskan oleh Shaykh Hj. Anwar bin Suranadi yang berasal dari Lubuk Semerah, kemudian diteruskan pula oleh Hj. Ihsan bin Suranadi dan seterusnya oleh Hj. Yahya bin Suranadi (Sulaiman, 1989:130). Sehingga kini terdapat puluhan tempat perhimpunan dan pengamalan tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah di negeri Johor dan sekitarnya.

Shaykh Ahmad Sahib al-Wafa' Taj al-'Arifin

Shaykh Ahmad Sahib al-Wafa' Taj al-'Arifin merupakan pemimpin tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah yang sangat masyhur di Jawa. Beliau yang lebih dikenali sebagai Abah Anom telah mengambil tarekat daripada ayah beliau sendiri iaitu Shaykh Abdullah al-Mubarak bin Nur Muhammad yang mengambilnya daripada Shaykh Talhah yang

mengambilnya daripada Shaykh Ahmad Khatib al-Sambasi. Tarekat pimpinan Abah Anom ini berpusat di Pondok Pesantren Suryalaya, Tasikmalaya, Jawa Barat, Indonesia, yang merupakan antara yang terbesar di Jawa.

Shaykh Taj al-‘Arifin mempunyai beberapa orang wakil (khalifah) dan ramai murid di Malaysia. Mereka inilah yang giat menyebarkan tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah di Malaysia. Antara wakil (khalifah) Shaykh Taj al-‘Arifin ialah Hj. Muhammad Said al-Attas yang diangkat sebagai wakil pada tahun 1977. Beliau yang berasal dari Negeri Sembilan telah menyebarkan tarekat ini di Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Sabah dan beberapa negeri lain termasuklah Thailand.

Antara wakil Shaykh Taj al-‘Arifin ialah Ustaz Hj. Muhammad Trang Isa. Beliau telah diangkat menjadi wakil pada tahun 1978. Beliau yang berasal dari Sarawak telah menyebarkan tarekat ini di negeri tempat kelahiran beliau itu. Pengamalan tarekat ini di Sarawak melibatkan pihak istana. Shaykh Taj al-‘Arifin selaku murshid tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah dilaporkan pernah berkunjung ke Sarawak atas jemputan pihak istana. Sehingga kini tarekat ini masih berkembang dan mempunyai ramai pengikut di Sarawak.

Ustaz Hj. Muhammad Uthman bin Abdul Latif pula telah diangkat sebagai wakil pada tahun 1984. Beliau yang berasal dari Patani, Thailand, telah menyebarkan tarekat ini di Terengganu dan beberapa negeri di sekitarnya. Pusat pengamalan tarekat pimpinan beliau bertempat di Kuala Terengganu dan mempunyai cawangan di Dungun dan juga Kemaman. Beliau telah menubuhkan pusat Inabah iaitu pusat pemulihan penagih dadah secara spiritual yang menjadi salah satu aktiviti sosial bagi ikhwan tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah. Pada mulanya Inabah beroperasi di Surau Cerong Lanjut, pinggir Bandar Kuala Terengganu, namun pada tahun 1990 ia telah berpindah ke satu tempat baru di Kampung Sungai Ikan, Gemuruh, Kuala Nerus, Terengganu iaitu kurang lebih 25 kilometer dari bandar Kuala Terengganu. Inabah ini didirikan di atas sebidang tanah seluas kurang lebih 10 ekar dan masih beroperasi sampai sekarang.

Ustaz Hj. Muhd Zuki juga merupakan salah seorang wakil Shaykh Taj al-‘Arifin. Beliau telah diangkat menjadi wakil pada tahun 1986. Beliau yang berasal dari Kedah telah menyebarkan tarekat ini di Kedah, Perak, Kuala Lumpur dan Pahang. Beliau juga telah menubuhkan pusat Inabah di Kedah pada tahun 1986. Pada mulanya Inabah bertempat di Pulau Bidin, Alor Setar, namun pada tahun 1990 ia berpindah pula ke

Jabal Suf, Kuala Nerang. Inabah ini dibina di atas tanah seluas kurang lebih 30 ekar di kawasan berbukit, agak jauh dari perkampungan dan masih beroperasi sampai sekarang bahkan semakin pesat membangun dengan terbinanya beberapa bangunan baru. Inabah di Jabal Suf ini merupakan inabah yang terbesar di Malaysia.

Ustaz Hj. Mansur yang diangkat menjadi wakil pada tahun 1996 dan Tun Hj. Sakaran Dandai yang diangkat menjadi wakil pada tahun 2005 pula telah menyebarkan tarekat ini di Sabah. Pengamalan tarekat pimpinan kedua-dua wakil ini berpusat di Kota Kinabalu, Tawau dan Sempoerna. Sebuah pusat Inabah telah didirikan di Sempoerna, Sabah, di bawah seliaan Ustaz Hj. Mansur. Manakala Ustaz Saifuddin al-Hafiz pula yang telah diangkat menjadi wakil pada tahun 2005 telah menyebarkan tarekat ini di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Pengamalan tarekat pimpinan beliau berpusat di Nilai, Negeri Sembilan.

Shaykh Yahya bin ‘Abd Allah Sani

Shaykh Yahya bin ‘Abd Allah Sani (1910-1989) yang lebih dikenali dengan nama Shaykh Hj HYahya Rambah atau Yahya Laksamana ialah antara tokoh tarekat Indonesia yang membawa masuk dan menyebarkan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. Beliau telah menerima Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah dari Shaykh Muhammad Nur Sumatera. Shaykh Muhammad Nur pula telah menerimanya dari Shaykh Abdul Wahab Babussalam, Langkat, Sumatera (Wan Termizi,1997:159). Shaykh Yahya Rambah dikatakan bukan sahaja mengamalkan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah, malah beliau juga mengamalkan dan mengajarkan beberapa tarekat lain.

Shaykh Yahya Rambah telah datang ke Semenanjung Malaysia pada tahun 1935 dan menetap di Kajang pada tahun 1970 (Bruinessen:160). Beliau telah membuka sebuah perkampungan baru di Kajang, Selangor iaitu di batu 18, jalan Semenyih yang diberi nama Taman Naqshabandiyyah, di atas sebidang tanah seluas 20 ekar (Wan Termizi:46). Kampung tersebut dijadikan pusat pengamalan dan penyebaran Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah. Beliau telah melantik ramai khalifah iaitu seramai 92 orang khalifah khusus (yang boleh mengambil *bay'ah*³) dan 142 orang khalifah am (yang hanya dibenarkan memimpin majlis zikir).

Menerusi para khalifah Shaykh Yahya, Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah pimpinan beliau telah berkembang dan tersebar luas ke seluruh Malaysia. Cawangan-cawangannya terdapat di Brunei, Kedah, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Singapura dan Melaka (Bruinessen:160). Setelah kematian Shaykh Yahya pada tahun 1989, pimpinan tarekat di Taman Naqshabandiyyah telah diambil alih oleh anak, murid serta khalifah beliau iaitu Hj. Muqri dan kemudiannya dipimpin pula oleh Hj. Haris.

Shaykh Kadirun Yahya

Shaykh Kadirun Yahya ialah salah seorang tokoh Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Indonesia yang mempunyai ramai murid di Semenanjung Malaysia. Beliau dilahirkan di Pengkalan Brandan, Langkat, Sumatera Timur pada tahun 1917 (Bruinessen:149). Beliau menerima Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada beberapa orang shaykh dan antara mereka yang paling utama ialah Shaykh Muhammad Hasyim Buayan yang mengambil tarekat daripada Shaykh 'Ali al-Rida di Jabal Abi Qubays iaitu khalifah kepada Shaykh Sulayman al-Zuhdi. Pusat pengamalan tarekat pimpinan Shaykh Kadirun Yahya bertempat di Medan, Sumatera, Indonesia. Dari Medan, tarekat ini memasuki Malaysia dan berkembang di sana menerusi para khalifah beliau.

Kumpulan pengamal Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah pimpinan para khalifah Shaykh Kadirun Yahya mula dikesan di Malaysia di sekitar tahun tujuh puluhan. Tiga orang khalifah Shaykh Kadirun Yahya di Malaysia iaitu Hj. Mohd Syariff Ali, Hj. Kamaruddin bin Hj. Ibrahim dan Prof. Dato' Mohd Nor Marahakim mempelopori penyebaran tarekat ini di Malaysia. Pusat utama pengamalan tarekat ini bertempat di Madrasah Darul Amin, Rawang, Selangor. Cawangan-cawangannya pula terdapat di Kempas (Johor Bharu), Kota Bharu (Kelantan), Kota Kinabalu (Sabah), Kucing (Sarawak), Alor Setar (Kedah), Kemaman (Terengganu), Jerantut (Pahang) dan Seremban (Negeri Sembilan).

Shaykh Muhammad Daud

Shaykh Muhammad Daud bin 'Abd al-Wahhab ialah pemimpin pengamalan tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Babussalam yang

ke lima selepas Shaykh 'Abd al-Wahab. Beliau telah menggantikan Hj. Abdul Jabbar yang meninggal dunia pada tahun 1943 (Hamidy,1992:43). Shaykh Muhammad Daud telah mengambil tarekat daripada ayah beliau sendiri iaitu Shaykh 'Abd al-Wahab di Babussalam, Langkat, Sumatera.

Antara khalifah Shaykh Muhammad Daud di Malaysia ialah Hj. Muhammad Yusuf bin Khalifah Abas Panai (m. 1978). Beliau ialah seorang tokoh yang telah mengembangkan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Perlis. Pusat pengamalan tarekat pimpinan beliau bertempat di Kampung Oren, Mata Air, Perlis (Rosnaaini,1997: 124). Dari sinilah tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah berkembang di negeri Perlis, Kedah dan sekitarnya.

Hj. Muhammad Yatim bin Hj. Isma'il

Hj. Muhammad Yatim bin Hj. Isma'il (L.1913) juga merupakan tokoh tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah kelahiran Indonesia yang ada peranan dalam penyebaran tarekat tersebut di Malaysia. Beliau berasal dari Naumbai, Air Tiris, Langkat, Sumatera, Indonesia. Pada mulanya beliau menerima tarekat daripada bapa saudara beliau, Shaykh Muhammad Yasin pada tahun 1926 di Naumbai (Rosnaaini: 156).

Hj. Muhammad Yatim kemudiannya telah berpindah ke Semenanjung Malaysia. Di sana beliau mula menjalani suluk tarekat dibawah bimbingan Shaykh Muhammad Yusuf yang memimpin suluk di Kampung Oren, Mata Air, Perlis dan juga di Kampung Keramat, Temong, Kuala Kangsar, Perak. Di samping itu beliau juga menjalani suluk di bawah bimbingan Tuan Guru Salahuddin di Babussalam, Langkat, Sumatera. Pusat pengamalan tarekat pimpinan Hj. Muhammad Yatim bertempat di Lubuk Ipoh, Jitra, Kedah. Pengamalan tarekat berlangsung di situ selama kurang lebih 14 tahun iaitu dari tahun 1976 hingga 1990. Pada tahun berikutnya ia mula berpindah ke pusat baru iaitu di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah (Rosnaaini: 125,157).

Kesimpulan

Daripada penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa terdapat sejumlah tokoh pengamal dan penyebar tarekat di Malaysia yang mempunyai hubungan silsilah perguruan dengan tokoh-tokoh pengembang tarekat dari Indonesia, melibatkan beberapa perguruan tarekat iaitu

Shattariyyah, Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Mazhariyyah, Nahshabandiyyah Khalidiyyah dan Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah.

Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Shaykh 'Abd al-Malik (Tok Pulau Manis), Terengganu yang mengambil tarekat Shattariyyah daripada Shaykh 'Abd al-Rauf al-Sinkili, Aceh, Sayyid 'Abd al-Rahman (Tok Ku Paloh), Terengganu yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Mazhariyyah daripada Sayyid 'Abd Allah al-Zawawi, Pontianak, Kalimantan, Shaykh Hasan Mustafa dan Shaykh Abu Naim, Johor yang mengambil tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah daripada Shaykh 'Abd al-Karim al-Bantani, Banten, Jawa, Shaykh Umar bin Muhammad, Batu Pahat, Johor yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh 'Abd al-Wahhab, Langkat, Sumatera, Shaykh Yahya Rambah, Kajang, Selangor yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh Muhammad Nur, Sumatera, para khalifah yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh Kadirun Yahya, Medan, Sumatera, para khalifah mengambil tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah daripada Shaykh Tajul Arifin, Suryalaya, Tasikmalaya, Jawa Barat, Hj. Muhammad Yusuf, Perlis yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh Muhammad Daud, Langkat, Sumatera, dan Hj. Muhammad Yatim, Perlis yang mengambil tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada Shaykh Muhammad Yasin dan Shaykh Salahuddin, Langkat, Sumatera.

Tokoh-tokoh ini yang telah mewarisi ajaran dan amalan tarekat daripada tokoh-tokoh besar tarekat dari Indonesia telah menyebarkan ajaran dan amalan tersebut di Malaysia dengan membuka pusat-pusat pengamalan di merata tempat di seluruh Malaysia. Usaha mereka ini kemudiannya telah diteruskan pula oleh pengganti-pengganti mereka sehingga sebahagian besar rangkaian perguruan tarekat tersebut masih berterusan dan berkembang sehingga ke hari ini.

Jaringan perguruan tarekat malaysia-indonesia: Satu tinjauan terhadap hubungan tokoh-tokoh tarekat indonesia dalam perkembangan tarekat di malaysia

Wan Termizi bin Wan Muhammad. 1996. *Tarikat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Di Taman Naqshabandi Semenyih, Kajang, Selangor*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.